

**PARLIMEN: Ketua Wanita PKR Dibidas Cuba Putar Belit Belanjawan Pemeriksaan Mammogram**  
**Bername**  
**9 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Seorang anggota Parlimen kerajaan membidas Ketua Wanita Parti Parti Keadilan Rakyat (PKR) Zuraida Kamaruddin yang disifatkan cuba memutar belit fakta berhubung peruntukan bagi pemeriksaan mammogram dalam Belanjawan 2013 baru-baru ini.

Datuk Halimah Mohd Sadique, ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2013, berkata kenyataan anggota Parlimen Ampang itu, yang mendakwa pemeriksaan percuma tersebut hanya untuk 1,000 wanita, jauh menyimpang daripada fakta sebenar.

"Baca dahulu laporan belanjawan yang membela nasib kaum wanita, bukannya pejam dan tutup telinga... peruntukan adalah untuk 100,000 wanita bagi menjalani pemeriksaan mammogram boleh dia (Zuraida) cakap hanya melibatkan 1,000 wanita sahaja.

"Belanjawan ini meliputi semua golongan, jika betul ada kekurangan, saya cabar mereka (pembangkang) untuk laksanakan buku Pelan Bertindak Wanita di semua negeri yang diperintah oleh mereka," katanya.

Dalam pembentangan Belanjawan 2013 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bulan lepas, sebanyak RM25 juta diperuntukkan bagi ujian mammogram percuma kepada lebih 100,000 wanita berusia 40 tahun dan ke atas di negara ini sebagai langkah pengesanan awal penyakit barah payu dara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700771>